

**PERANAN DAN TUGAS PEGAWAI KEJOHANAN**

**Soalan 1 - 10 : Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.**

**Soalan 11 - 20 : Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.**

<b>A</b>	Wakil Teknikal	<b>G</b>	Juri Rayuan	<b>M</b>	Pengurus Teknikal
<b>B</b>	Ketua Hakim Ukur (Saintifik)	<b>H</b>	Pegawai Teknikal Antarabangsa	<b>N</b>	Penjaga Alat Penyukat Angin
<b>C</b>	Setiausaha Pertandingan	<b>I</b>	Referi	<b>O</b>	Ketua Hakim
<b>D</b>	Pengarah Pertandingan	<b>J</b>	Referi Bilik Panggilan	<b>P</b>	Penolong Pelepas
<b>E</b>	Pengurus Kejohanan	<b>K</b>	Referi Mula	<b>Q</b>	Pencatat Pusingan
<b>F</b>	Pengurus Persembahan Acara	<b>L</b>	Pelepas Panggil Balik	<b>R</b>	Pengadil-Pengadil

1. **Pegawai yang akan mengemukakan cadangan Jadual Acara dan Kelayakan Bertanding kepada badan yang berkaitan suatu kejohanan ialah .....**
2. **..... yang dilantik akan bertindak sebagai Referi dalam acara yang ditugaskan.**
3. **Badan yang dilantik untuk menyelesaikan bantahan-bantahan mengikut Peraturan 146 dan hal-hal lain yang timbul sepanjang pertandingan ialah .....**
4. **..... adalah pegawai yang bertanggungjawab terhadap kehadiran semua pegawai dan melantik pengganti jika perlu.**
5. **..... boleh dalam pemerhatiannya mengetepikan keputusan seorang hakim.**
6. **Pegawai yang akan memastikan orang ramai disampaikan maklumat mengenai atlet yang bertanding, senarai mula, masa perantaraan dan keputusan ialah .....**
7. **..... adalah pegawai yang diberi kuasa menyelesaikan sebarang perkara yang timbul yang tidak diperuntukkan di dalam buku peraturan.**

8. .... hendaklah memastikan atlet-atlet yang bertanding dalam saringan atau perlumbaan yang betul dan nombor bib dipakai dengan betul.
  
9. .... adalah pembantu kepada Referi tanpa mempunyai kuasa untuk membuat keputusan akhir.
  
10. Jika dalam keputusan membabitkan rekod, Referi bersama-sama ..... hendaklah menyelia pengukuran pencapaian yang berkenaan.
  
11. Jika tidak ditetapkan terlebih dahulu oleh Penganjur, penyelarasan dan pengagihan tugas kepada hakim balapan atau padang adalah tanggungjawab  
.....
  
12. Setelah selesai sesuatu acara, keputusan akhir hendaklah dilengkapi segera, disemak dan ditandatangani oleh Referi dan diserahkan kepada  
.....
  
13. Pegawai yang dilantik untuk mencatatkan setiap pusingan yang telah dilengkapi oleh atlet dalam semua perlumbaan yang melebihi 1500m ialah  
.....
  
14. Pegawai yang akan menyukat dan menentukan kelajuan angin mengikut arah larian acara ialah .....
  
15. .... menentukan bahawa semua kemudahan olahraga, sektor dan kawasan mendarat bagi acara –acara Padang serta semua alat dan peralatan mengikut Peraturan-Peraturan.
  
16. Pegawai yang menjadi pengantara di antara staf teknikal syarikat peralatan masa dengan pelepas ialah .....

17. .... akan menentukan kedudukan atlet di penamat perlumbaan sesuatu acara balapan.
18. Apabila Sistem Foto Penamat Automatik sepenuhnya digunakan, seorang ..... dan penolong yang secukupnya hendaklah dilantik.
19. Pegawai yang mempunyai kuasa untuk bertindak dari masa atlet berada di kawasan memanaskan badan sehingga dia sampai ke tempat bertanding ialah ..... .
20. Semasa memulakan sesuatu acara balapan, seorang pelepas akan dibantu oleh beberapa orang ..... .

**BAHAGIAN B**

**20 MARKAH**

**PERATURAN-PERATURAN AM & ACARA BALAPAN**

**Soalan 1 – 10** Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.

**Soalan 11 – 20** Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.

**1. Bilangan paku yang dibenarkan pada kasut seorang atlet tidak boleh melebihi sebanyak .....paku.**

- A. 9
- B. 10
- C. 11
- D. 1

**2. Perkara-perkara berikut tidak dikira sebagai bantuan dan dibenarkan kecuali .....**

- A. Perhubungan antara jurulatih dengan atlet di kawasan yang disediakan.
- B. Rawatan fisioterapi untuk membolehkan atlet bertanding.
- C. Alat pengesan denyutan jantung yang dipakai oleh atlet semasa bertanding.
- D. Menerima bantuan fizikal daripada atlet lain yang membantu kemaraan ke hadapan dalam perlumbaan.

**3. Bantahan mengenai keputusan atau pengendalian sesuatu acara hendaklah dibuat dalam tempoh masa ..... minit selepas keputusan rasmi diumumkan**

- A. 20
- B. 30
- C. 45
- D. 60

**4. Blok mula hendaklah digunakan bagi semua acara berikut kecuali**

- A. 100 m
- B. 400 m lari berpagar
- C. 200 m
- D. 800 m

5. Tempoh masa penyukatan halaju angin bagi acara 100m Lari Berpagar adalah .....

A. 10 saat

B. 5 saat

C. 13 saat

D. 15 saat

6. Arahan pelepas bagi semua pertandingan antarabangsa hendaklah dalam bahasa tempatan, Bahasa Inggeris dan Bahasa .....

A. Jerman

B. Sepanyol

C. Perancis

D. Greek

7. Masa penamat diambil apabila ..... jelas mencecah alur bahagian terdekat garisan penamat.

A. kepala

B. tangan dan kaki

C. leher

D. Torso

8. Dalam acara 110 m lari berpagar, setiap lorong mengandungi sebanyak ..... pagar.

A. 8

B. 9

C. 10

D. 12

9. Acara 2000m lari berhalangan mengandungi ..... lompatan pagar dan..... lompatan air

A. 18, 5

B. 28, 18

C. 28, 7

D. 7, 5

10. Komposisi dan susunan larian atlet acara lari berganti-ganti hendaklah diistiharkan secara rasmi tidak lewat ..... minit sebelum masa panggilan pertama.

A. 15

B. 30

C. 45

D. 60



11. Seorang atlet tidak dibenarkan bertanding di luar negara tanpa kelayakan dijamin dan dibenarkan oleh .....

12. Tebalmaksima tapak kasut bagi acara lompat tinggi adalah .....mm.

13. Jurulatih boleh berkomunikasi dengan atlet yang sedang bertanding dari satu ..... yang disediakan di tempat duduk penonton.

14. Bantahanterhadap ..... seorang atlet yang mengambil bahagian dalam sesuatu pertandingan mestilah dikemukakan sebelum bermulanya pertandingan kepada Wakil Teknikal.

15. Bagi pertandingan acara jarak jauh, pusingan terakhir hendaklah dimaklumkan kepada setiap atlet dengan

.....

16. Jika kesemua tiga jam menunjukkan masa yang berlainan, masa rasmi ialah ....

.....

17. Apakah yang dimaksudkan dengan 'torso'?

.....

18. Masa minima antara pusingan saringan pertama ke saringan berikut bagi acara 400m adalah \_\_\_\_\_ minit.

19. Bagi acara 4 x 100 m lari berganti-ganti, penukaran baton harus dibuat di zon pertukaran yang jaraknya adalah \_\_\_\_\_ m .

20. Penamat sesuatu perlumbaan ditandakan dengan satu garisan putih selebar

.....sm

**PERATURAN-PERATURAN AM & ACARA PADANG**

**Soalan 1 – 10**            **Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan huruf jawapan itu dalam kotak yang telah disediakan.**

**Soalan 11 – 20**        **Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.**

**1.**     **Dalam acara padang di mana landas lari digunakan, atlet-atlet dibenarkan meletak penanda-penanda di .....**

- A.**     dalam kawasan mendarat.
- B.**     tepi papan lonjak.
- C.**     tepi landas lari.
- D.**     luar kawasan mendarat.

**2.**     **Bagaimana atlet kelapan dipilih jika terdapat dua orang atlet mempunyai pencapaian terbaik yang sama selepas tiga pusingan awal?**

- A.**     Bandingkan pencapaian kedua terbaik dan seterusnya.
- B.**     Membuat undian dengan melambung duit syiling.
- C.**     Membenarkan kedua-dua atlet itu meneruskan pertandingan seterusnya.
- D.**     Menyingkirkan atlet itu daripada meneruskan pertandingan.

**3.**     **Bilakah percubaan seorang atlet dalam acara Lempar Cakera dikira sudah selesai?**

- A.**     Apabila cakera mendarat di kawasan mendarat.
- B.**     Apabila atlet sudah meninggalkan bulatan.
- C.**     Apabila hakim tamat mengukur pencapaian atlet itu.
- D.**     Apabila cakera melepasi genggamannya.

**4.**     **Dalam acara padang, bagaimanakah atlet akan mengetahui bahawa masa sudah suntuk untuk membuat percubaan?**

- A.**     Hakim akan memberitahu atlet secara lisan.
- B.**     Jurulatihnya akan memberi isyarat.
- C.**     Sebuah jam yang menunjukkan baki masa diletak ditempat pertandingan.
- D.**     Atlet akan merujuk kepada jam tangannya.

5. Wakil Teknikal memutuskan untuk mengubah masa pertandingan acara Merejam Lembing kerana masalah satu daripada sebab-sebab berikut:

- A. Tiupan angin yang kuat.
- B. Arah tiupan angin menentang arah larian atlet.
- C. Tempat pertandingan menjadi sesak kerana acara Lempar Cakera dan Lompat Tinggi dijalankan pada masa yang sama.
- D. Sinaran matahari sangat terik.

6. Dalam acara Lompat Tinggi, atlet mempunyai kebebasan untuk melompat mana-mana ketinggian. Bilakah seorang atlet akan hilang hak untuk meneruskan lompatan?

- A. Enggan membuat lompatan pada ketinggian pertama.
- B. Tiga kali gagal berturut-turut.
- C. Jumlah kegagalan melebihi tiga kali.
- D. Melangkau tiga kali berturut-turut.

7. Lompatan sisih diadakan untuk dua orang atlet dalam acara Lompat Bergalah. Apakah keputusan Referi apabila salah seorang daripada mereka enggan membuat lompatan sisih?

- A. Kedua-dua atlet itu diistihar sebagai pemenang bersama.
- B. Atlet yang enggan itu diberi amaran dan kedua-dua mereka diistihar pemenang bersama.
- C. Atlet yang bersetuju membuat lompatan sisih itu diistihar sebagai pemenang.
- D. Dibiarkan Wakil Teknikal membuat keputusan.

8. Lebar kawasan mendarat untuk acara Lompat Kijang adalah

.....

- A. 3.00 m - 3.50 m.
- B. 2.75 m - 3.50 m.
- C. 2.00 m - 3.00 m.
- D. 2.75 m - 3.00 m.

9. Cakera terkena kurungan dan terpesong jatuh dalam kawasan mendarat. Apakah keputusan Referi?



- A. Percubaan itu sah.
- B. Percubaan itu tidak sah.
- C. Diberi percubaan gantian.
- D. Atlet itu diberi amaran dan percubaan itu dibatalkan.

10. Seorang atlet mahu menggunakan galah kepunyaan atlet lain, maka atlet .....

- A. boleh menggunakan galah itu.
- B. perlu minta kebenaran dari Referi.
- C. perlu memberitahu Pengurus Teknikal.
- D. perlu memperolehi kebenaran dari pemilik galah itu.

11. Dalam acara padang, pertandingan kelayakan diadakan untuk

.....


12. Enam orang atlet didaftar untuk bertanding dalam acara Rejam Lembing.

Mereka akan diberikan .....kali percubaan

13. Palang Lompat Tinggi tidak boleh dinaikan dengan kadar yang kurang dari

..... sm.

14. Gambarajah berikut menunjukkan tempat-tempat di mana peluru mendarat. Merujuk kepada gambarajah itu, nyatakan kedudukan-kedudukan yang dikira tidak sah.



- .....
15. Dalam acara Lompat Jauh, kelajuan angin diukur untuk tempoh .....
16. Rejaman lembing hanya dikira sah jika .....  
sebelum bahagian-bahagian lain mendarat.
17. Dalam acara Lontar Peluru ketika aksi melontar, peluru tidak boleh dibawa ke belakang .....
18. Dalam acara Lompat Kijang, urutan pergerakan kaki yang bermula dengan kaki kiri ialah.....
19. Peserta Baling Tukul Besi dibenarkan menggunakan ..... penanda semasa membuat percubaan.
20. Nyatakan satu jenis alat perlindungan peribadi dibenarkan kepada atlet Merejam Lembing.
- .....

**ACARA CAMPURAN / ACARA JALAN KAKI / PERLUMBAAN  
JALANRAYA / MERENTAS DESA**

**Soalan 1 - 10 : Pilih jawapan yang tepat dan tuliskan jawapan di dalam kotak yang disediakan.**

**Soalan 11 - 20 : Isi ruang kosong dengan jawapan yang betul.**

**1. Apakah jarak yang disarankan bagi lelaki dalam perlumbaanMerentas desa?**

- A. 10km**
- B. 8km**
- C. 4km**
- D. 6km**

**2. Dalam perlumbaan 50km Lumba Jalankaki, bilangan maximum Hakim Jalan Kaki termasuk ketua ialah .....orang.**

- A. 6**
- B. 5**
- C. 8**
- D. 9**

**3. Berapakah acara padang yang terdapat dalam acara Bercampur Dekathlon?**

- A. 10**
- B. 7**
- C. 4**
- D. 6**

**4. Pegawai yang berkuasa untuk menyusun semula kumpulan dalam pertandingan acara Bercampur ialah .....**

- A. Pengarah pertandingan**
- B. Setiausaha pertandingan**
- C. Pengurus kejohanan**
- D. Referi acara bercampur**

**5. Bagi Lari berganti-ganti Jalan Raya, garisan selebar ..... hendaklah dibuat bagi menandakan jarak setiap peringkat.**

A. 3 sm

B. 8 sm

C. 5 sm

D. 10 sm

6. Acara Heptathlon untuk wanita terdiri dari ..... acara balapan dan ..... acara padang.

A. 4 & 6

B. 6 & 4

C. 3 & 4

D. 4 & 3

7. Berapakah stesyen persegaran yang perlu disediakan sepanjang laluan acara Separuh Marathon?

A. 2

B. 4

C. 3

D. 6

8. Terdapat 23 orang peserta mengambil bahagian dalam acara 5000m Lumba Jalan Kaki. Berapakah bilangan minimum pencatat pusingan yang diperlukan?

A. 5

B. 4

C. 3

D. 2

9. Dalam acara marathon, seorang peserta mesti berhenti dengan segera daripada Pertandingan sekiranya diarah untuk berbuat demikian oleh seorang Pegawai .....

A. Teknikal

B. Perubatan

C. Pertandingan

D. Keselamatan

10. Dalam pertandingan Acara Bercampur, tempoh masa selesainya acara terakhir hari pertama dan bermulanya acara pertama hari kedua hendaklah sekurang-kurangnya .....

- A. 30 minit  
C. 12 jam
- B. 24 jam  
D. 10 jam



11. Jarak acara Marathon ialah ..... km.
12. Seorang atlet perlumbaan jalan kaki dibatalkan sekiranya menerima ..... kad merah daripada tiga orang hakim yang berlainan.
13. Dalam acara balapan , pertandingan Acara Bercampur, seorang atlet akan dibatalkan sekiranya dia telah melakukan ..... salah mula.
14. Masa tercatat untuk seorang peserta dalam perlumbaan marathon ialah 2 jam 31 min 47.6 saat. Masa rasmi ialah .....
15. Bagi acara Lompat Tinggi dalam acara bercampur, kenaikan palang ialah ..... sm
16. Bagi acara merentas desa, jika terdapat seri untuk menentukan kedudukan pasukan, kemenangan akan diberikan kepada pasukan .....
- .....
17. Jika alat masa Penuh Automatik tidak berfungsi, masa setiap atlet dalam acara balapan dalam pertandingan acara bercampur hendaklah diambil oleh ..... orang penjaga masa.
18. Acara bercampur pentatlon dijalankan dalam tempoh ..... hari.
19. .... akan memilih ketua hakim bagi acara jalan kaki, jika perlantikan belum dibuat.

20. Dalam acara lompat jauh Heptatlon, seorang peserta akan diberi ..... percubaan.

**AHAGIAN E**

**20 MARKAH**


**ASPEK PRAKTIKAL /**

1. Di bawah diberi pencapaian peserta-peserta dalam acara Lompat Tinggi. Tentukan kedudukan masing – masing.

No	Peserta	Ketinggian							Kedudukan
		1.85m	1.90m	1.95m	2.00m	2.03m	2.06m	2.09m	
1	Nauraj	O	O	O	XO	XXO	XXO	XXX	
2	Kavialgan	-	-	O	X	X	O		
3	Hup Wei	O	XO	O	XXO	XXO	XXO	XXX	
4		-	-	O	XO	XXO	XO	XXX	
5	Iskandar	-	-	XO	XO	XO	XO	XXX	

(5 markah)

3. Cari nombor yang betul dari rajah dalam rajah berikut bagi setiap kenyataan di bawah dan tuliskan dalam petak yang diberi.



- a. Penjaga masa akan ditempatkan di
- b. Garisan permulaan acara 110 meter lompat pagar
- c. Garisan permulaan acara 1500 meter
- d. Kedudukan pelepas bagi acara 100 meter
- e. Garisan potong masuk bagi acara 800 meter


(5markah)

**4. Namakan peralatan yang digunakan dalam acara balapan dan padang**



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_



\_\_\_\_\_




\_\_\_\_\_





---


---



Click "Back" button to return to the previous page.

---

---



---

---